

05 DEC 2000

Mahathir-Bumiputera

RANCANG PERNIAGAAN DENGAN BAIK, PM INGATKAN USAHAWAN BUMIPUTERA

SHAH ALAM, 5 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan usahawan Bumiputera supaya menceburi bidang yang ada dalam kemampuan mereka setelah melakukan perancangan yang baik.

Perdana Menteri berkata banyak usahawan Bumiputera kurang berjaya oleh kerana perniagaan dilaksanakan tanpa mempunyai kemampuan kewangan, teknologi dan kecekapan yang mencukupi.

"Saya harap pengusaha Bumiputera dapat menilai diri mereka. Mereka tak harus cuba sesuatu di luar keupayaan mereka," katanya ketika merasmikan The Royal Mint of Malaysia, syarikat penempaan duit syiling pertama di Malaysia, di sini.

Dr Mahathir berkata ada sesetengah Bumiputera yang terpaksa menanggung hutang yang begitu banyak setelah menceburi bidang yang di luar keupayaan mereka.

Katanya, adalah lebih baik jika seseorang itu memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan dan seterusnya berusaha untuk mengembangkan lagi operasi mereka.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata ada juga usahawan Bumiputera yang tidak berminat langsung untuk membesarkan perniagaan mereka.

"Jangan gopoh untuk menjadi orang kaya dengan tidak menilai kemampuan sehingga kita gagal kerana menghadapi pelbagai masalah sehingga perniagaan tidak boleh dimajukan lagi," katanya.

Bank Negara Malaysia menubuhkan Kilang Wang pada 1971 bagi memenuhi keperluan duit syiling negara.

BNM kemudiannya mengambil keputusan menswastakan operasi Kilang Wang kepada Syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd yang mempunyai kepakaran dalam pengeluaran pingat anugerah, barangan perak, barangan kemas dan piuter.

Mariwasa pula menubuhkan syarikat baru iaitu The Royal Mint of Malaysia untuk mengendalikan operasi Kilang Wang.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan pengeluaran bulion emas dengan berat 1 auns, 1/2 auns dan 1/4 auns yang dinamakan Kijang Emas.

Dr Mahathir memuji perkembangan Mariwasa yang bermula sebagai pengeluar pelbagai barangan kraftangan berasaskan logam dan kini mempunyai kepakaran mengeluarkan duit syiling biasa dan syiling emas bulion setanding dengan yang dikeluarkan negara lain di dunia.

Katanya industri kraftangan mempunyai potensi untuk maju dan sememangnya kerajaan memberikan galakan kepada mereka yang ingin menceburi bidang itu.

Dr Mahathir berkata banyak pembeli kecewa kerana produk kraftangan yang dihasilkan tidak dapat memenuhi keperluan, dan menasihatkan supaya proses pengeluarannya dibuat secara tersusun dan dalam kuantiti yang banyak, sama seperti pengeluaran barangan elektronik.

"Kita dapati banyak pengusaha tidak berusaha membesarkan industri kraftangan mereka dan sebaliknya berpuas hati dengan pengeluaran yang sedikit dan pendapatan yang sedikit," katanya.

-- BERNAMA

MAM AZZ NMO